



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Penaiktarafan aplikasi mudah alih PenggunaBijak menawarkan lebih banyak maklumat pengguna dan fungsi interaktif**

---

Tarikh: 22 September 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah menaiktaraf aplikasi mudah alih PenggunaBijak yang dihasratkan dapat menjadi alat digital maklumat pengguna yang digunakan secara harian.
2. Dengan moto '*Maklumat Memperkasa Pengguna*', penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak bertujuan bagi memanfaatkan penggunaan platform digital dengan menambahbaik aplikasi berkenaan melalui meningkatkan *user experience* dan *visibility* maklumat pengguna dalam usaha bagi memperkasa dan memupuk budaya Pengguna Bijak di kalangan orang ramai.
3. Penaiktarafan aplikasi PenggunaBijak menawarkan lebih banyak maklumat pengguna di hujung jari secara interaktif melalui fungsi seperti cari, cadang, susun dan tapis (*search, suggest, sort and filter*) mengikut pilihan pengguna; penggunaan dwi-bahasa – Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris; pengemaskinian wajah baru yang lebih baik; dan penyusunan maklumat yang lebih teratur.
4. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak menyediakan maklumat-maklumat seperti amalan perniagaan yang tidak wajar di bawah skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011; harga maksimum bagi barangan yang tersenarai di bawah Akta Kawalan Harga; dan harga mingguan bagi barangan makanan asasi utama tertentu yang dipantau harga.

5. Selain daripada perkongsian maklumat-maklumat kepenggunaan, pengguna juga boleh mendapat manfaat daripada ciri-ciri utama lain seperti *1-2-Compare* yang boleh membantu pengguna untuk membuat perbandingan harga bagi lebih 180 barangan isi rumah yang dikongsi secara sukarela oleh peruncit.
6. Manakala Tips Pengguna Bijak membantu pengguna untuk mengetahui tips bagi memperkasa diri menjadi Pengguna Bijak melalui artikel, poster, garispanduan, video dan rujukan tambahan yang boleh diperolehi di dalam aplikasi tersebut.
7. Di samping itu, pengguna juga mempunyai akses kepada berita dan sorotan terkini serta platform untuk membuat aduan rasmi dengan lebih mudah dan cepat.
8. Sejak aplikasi PenggunaBijak diperkenalkan pada tahun 2016, aplikasi ini telah dimuat turun sebanyak lebih 36,000 kali melalui platform *App Store* dan *Google Play*.

\*\*\*\*\*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi